

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/07/26\_41 (HQ)

### **HINDARI PASANG BAHAN KEMPEN DI PREMIS ATAU PEPASANGAN ELEKTRIK TNB, SEPANJANG KEMPEN PILIHAN RAYA DI ENAM NEGERI & PRK KUALA TERENGGANU**

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menasihatkan semua parti politik agar tidak memasang apa jua bentuk bahan kempen di mana-mana premis dan pemasangan elektrik milik syarikat utiliti itu sepanjang tempoh berkempen Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-15 bagi negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan serta Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Kuala Terengganu mulai 29 Julai ini.

Larangan ini termasuklah menampal atau menggantung bahan-bahan kempen seperti poster, bendera, gegantung dan sepanduk di menara penghantaran, tiang elektrik, peti pembekal, pencawang, tiang elektrik konkrit dan talian atas.

Pada masa sama, TNB juga memohon kerjasama semua pihak yang berkenaan agar mengelak daripada melakukan kerja-kerja pengorekan tanah dalam usaha mengurangkan risiko menyentuh kabel elektrik, sekali gus menghindari kemungkinan berlaku gangguan bekalan elektrik akibat kerosakan kabel.

“Perbuatan ini boleh mengundang bahaya kerana berisiko mengakibatkan renjatan elektrik. Ia juga mungkin menyebabkan gangguan bekalan elektrik ke premis-premis penting sepanjang proses pilihanraya ini seperti Pusat-Pusat Penamaan Calon, Pusat Mengundi dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi,” kata Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

“Nasihat kami, agar kerja-kerja pengorekan ini ditangguhkan dulu dan jika tidak dapat dielakkan, sila hubungi pejabat TNB yang berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat agar semua prosedur dan tatacara dipatuhi sekaligus mengurangkan risiko gangguan.”

“Manakala pemasangan bahan-bahan kempen tersebut pula boleh menghalang warga kerja TNB untuk mendapat akses untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pemulihan bekalan.”

Wan Nazmy turut mengingatkan orang ramai agar tidak memegang, membawa atau memasang tiang bendera di bawah mana-mana talian penghantaran elektrik termasuk tiang bendera yang diperbuat daripada buluh yang boleh menyebabkan renjatan elektrik pada mereka yang berada berhampiran.

Menurutnya, aktiviti berbahaya ini juga menyalahi peruntukan Seksyen 37, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), iaitu mengganggu, mencatatkan atau merosakkan pemasangan elektrik. Sebagai langkah pencegahan, TNB, menerusi rondaan rutin, akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan pihak berkuasa untuk menurunkan bahan kempen pilihan raya yang berisiko menimbulkan bahaya dan masalah kepada pengguna.

Orang ramai yang ternampak situasi yang boleh mengancam keselamatan orang lain atau menjejaskan bekalan elektrik, boleh segera menghubungi Facebook TNB CareLine atau talian 15454 agar tindakan sewajarnya dapat diambil bagi mencegah perkara yang tidak diinginkan daripada berlaku.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Julai 2023, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB,  
Wan Nazmy Wan Mahmood

## Tangguhkan/Elakkan Kerja Pengorekan



Elakkan kerja-kerja pengorekan tanah bagi mengurangkan risiko menyentuh kabel elektrik yang boleh mengakibatkan gangguan bekalan elektrik.